

UMNO tidak kekal jika terus terkongkong cara lama – Mahathir

U.M. 26 AUG 1989

Oleh
Abdullah Hassan

KUALA TERENGGANU 25 Ogos — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan bahawa UMNO yang baru pulih dari kehancuran tidak mungkin kekal dan terus kuat sekiranya masih terkongkong dengan cara

1) Cara lama harus dikikis dan semua ahli perlu membendung nafsu, perasaan dan sifat mementingkan diri kerana perjuangan parti bukan untuk individu tetapi seluruh bangsa Melayu," tegasnya.

Bercakap mcrasmikan mesyuarat agung UMNO bahagian Kuala Nerus dan melancarkan tabung kebajikan dan perjuangan bahagian tersebut di Kusza di sini pagi ini, Perdana Menteri mengesakan:

"Bila kita wujudkan pertubuhan, yang penting bagi kita ialah patuh kepada perlembagaan yang menyusun pemimpin, cara bergerak dan cara memilih pemimpin."

Kehendak nafsu

"Lebih penting lagi, kita harus terima kepimpinan dan sentiasa membelakangkan kepentingan diri dan kehendak nafsu. Walaupun kita tidak mendapat sesuatu tetapi harus juga menerima hakikat dan rapat semula barisan untuk bergerak secara berpasukan."

Sambil berseloroh, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menyebut nama Kitol dan Raja Mandalia, dua orang yang bertanggungjawab menjatuhkan kerajaan Melayu Melaka zaman dahulu dengan menjual rahsia kepada pihak Belanda.

Beliau mengingatkan ahli UMNO bahawa Kitol dan Raja Mandalia masih wujud di zaman ini.

"Orang yang kalah tidak mahu terima kekalahan, tak mahu membendung nafsu dan mereka sanggup pergi ke pihak lain untuk menghancurkan parti," tegasnya.

Perdana Menteri membuat perbandingan sejarah kejatuhan kerajaan Melayu Melaka zaman dahulu dengan pengalaman UMNO apabila LJMNO diharamkan tahun 1987 sebagai peringatan dan renungan seluruh ahli.

Dalam ucapan lebih satu jam itu, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad beberapa kali menyebut kata-kata nasihat supaya ahli LJMNO membendung nafsu dan kepentingan diri demi memastikan kekuatan parti.

Katanya, UMNO mengamalkan demokrasi dan pemilihan suara ramai akan menentukan pemimpin dan pengikut tetapi ikatan yang kuat antara penyokong dan pemimpin yang kalah boleh membawa perpecahan.

Untuk itu, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menyarankan semua ahli supaya sentiasa mementingkan parti dan perlu mengelak amalan yang boleh memecahkan UMNO.

Katanya majlis tertinggi parti menasihatkan supaya tidak berlaku pertandingan bagi pucuk pimpinan peringkat bahagian untuk mengelak perpecahan kepada UMNO yang baru pulih.

Bagaimanapun, menurutnya, ahli UMNO boleh bertanding untuk merebut kerusi jawatankuasa kerana mereka boleh menumpukan kesetiaan kepada pucuk pimpinan dan tidak akan mengasingkan diri.